

08/02/2001

Thaipusam: MIC minta semua negeri isytihar cuti

Yooga Rani Murugiah

KUALA LUMPUR, Rabu - MIC akan meminta kerjasama semua kerajaan negeri bagi mengisytiharkan Thaipusam sebagai hari cuti umum sebelum meminta Kuala Lumpur berbuat demikian.

Presidennya, Datuk Seri S Samy Vellu berkata, beliau sudah mendapatkan pandangan Perdana Menteri mengenai perkara itu dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju supaya parti meminta kerjasama kerajaan negeri terlebih dahulu.

Katanya, MIC sudah berbincang dengan kerajaan Melaka dan akan memulakan perbincangan dengan Pahang supaya menjadikan Thaipusam sebagai hari cuti umum di kedua-dua negeri itu.

"Kami akan berbincang dari negeri ke negeri sebelum meminta kerjasama Kerajaan Persekutuan mengisytiharkan Thaipusam sebagai hari cuti umum di Kuala Lumpur," katanya kepada pemberita selepas berucap kepada orang ramai yang menyambut Thaipusam di Batu Caves, dekat sini hari ini.

Beliau berkata, kedua-dua negeri terbabit perlu menjadikan Thaipusam sebagai hari cuti umum kerana ia mempunyai jumlah penganut Hindu yang ramai selepas Johor, Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan.

"Kelima-lima negeri terbabit sudah pun mendapat cuti umum, cuma kita perlu tunggu keputusan daripada Ketua Menteri Melaka, Datuk Wira Mohd Ali Rustam untuk membolehkan penganut Hindu di negeri itu juga mendapat cuti umum.

"Saya percaya jika kerajaan negeri Melaka bersetuju, besar kemungkinan ia akan dimulakan tahun depan," katanya.

Sempena sambutan Thaipusam kali ini, Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya, turut melancarkan Tabung Bencana Gujarat yang dimulakan oleh beliau dengan kerjasama sebuah akhbar Tamil minggu lalu.

Sejak semalam saja, sebanyak RM60,001 berjaya dikumpul daripada penganut Hindu yang menyertai sambutan di Batu Caves, termasuk RM10,001 sumbangan Kuil Seri Maha Mariamman.

Setakat ini, tabung berkenaan berjaya mengutip RM530,000 daripada sasaran RM2 juta menjelang berakhirnya kempen itu pada 31 Mac depan.

Tabung itu akan membantu mangsa gempa bumi di Gujarat, di barat India, yang musnah dilanda gempa bumi pada 26 Januari lalu yang mengorbankan kira-kira 16,000 orang.

Pengerusi Kuil Sri Subramaniam Swamy, R Nadarajah, kemudian menyerahkan sumbangan sebanyak RM10,001 kepada Samy Vellu untuk tabung itu.

Samy Vellu berkata, beliau juga sudah mengarahkan semua 500 cawangan MIC di seluruh negara untuk turut sama membantu mengutip derma bagi tabung gempa bumi itu.

"Setiap cawangan MIC perlu mengutip sekurang-kurangnya RM220 dan setakat kini, cawangan MIC di Perak sudah mengutip sebanyak RM500 daripada setiap bahagian," katanya.

Antara orang kenamaan yang menghadiri majlis berkenaan ialah Pesuruhjaya Tinggi Sri Lanka ke Malaysia, Dayachandra Yasasiri Liyanage dan Pesuruhjaya Tinggi India, Veena Sikri.

Terdahulu dalam ucapannya, Samy Vellu berkata sambutan Thaipusam bukan saja perayaan untuk penganut Hindu, malah turut dimeriahkan pelancong tempatan dan luar negara.

"Sambutan kali ini lebih meriah berbanding tahun sebelumnya kerana kali ini Batu Caves dibanjiri lebih sejuta penganut Hindu, termasuk pelancong," katanya.

Beliau juga menyeru kepada semua penganut Hindu supaya mendoakan kesejahteraan penduduk dan beliau yakin rakyat pelbagai kaum di negara ini akan terus hidup aman dan damai.

Katanya, tanpa perpaduan, sukar untuk kerajaan mencapai kestabilan politik, ekonomi dan sosial sekali gus melaksanakan dasar demi kepentingan rakyat di negara ini.

(END)